

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN SAHABAT AGRO 2020” ANJURAN AGROBANK (“TERMA DAN SYARAT”)

1. DEFINISI

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

“BANK” bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat 200801010522(811810-U)) syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftaranya di Tingkat 3, Bangunan Agrobank Leboh Pasar Besar,, 50726 Kuala Lumpur;

“CASA” bermaksud produk Akaun Simpanan atau Akaun Giro yang ditawarkan oleh pihak Agrobank.

“HADIAH KEMPEN” bermaksud hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini sahaja.

“KEMPEN” bermaksud Kempen **“SAHABAT AGRO 2020”** yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini;

“PELANGGAN” bermaksud pelanggan Bank yang juga merupakan ahli program Sahabat Agro;

“PEMENANG” bermaksud Pelanggan yang telah dikenalpasti menepati semua kriteria yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini dan layak untuk menerima Hadiah Kempen;

“SAHABAT AGRO” bermaksud sebuah program pemasaran yang ditawarkan oleh pihak Bank yang menggunakan konsep **KEAHLIAN**, **RUJUKAN** dan **GANJARAN** untuk mempromosikan produk AgroPrimaS.

“ONLINE ACCOUNT OPENING” bermaksud perkhidmatan yang diperkenalkan oleh Bank sebagai platform alternatif yang memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat permohonan pembukaan akaun secara dalam talian.

“SISTEM CABUTAN BERTUAH” bermaksud sistem yang disediakan oleh Bank untuk digunakan bagi tujuan melaksanakan aktiviti cabutan bertuah.

“TEMPOH KEMPEN” bermaksud tempoh kempen yang bermula dari 15 Jun 2020 hingga 15 Jun 2021 atau apa-apa tempoh yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa;

2. HADIAH KEMPEN

A. INSENTIF PERUJUK – BAGI PENYERTAAN AHLI BARU SAHABAT AGRO MELALUI “ONLINE ACCOUNT OPENING” (OAO)

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan yang mempunyai keahlian program Sahabat Agro berstatus ‘Aktif’.
- 1.2 Bagi melayakkan Pelanggan yang dinyatakan di atas (“Perujuk”) untuk menerima Insentif Perujuk ini, Perujuk hendaklah mematuhi kriteria-kriteria Kempen seperti di bawah :
 - 1.2.1 pelanggan yang dirujuk bagi Kempen ini adalah pelanggan baru dan bukannya ahli Sahabat Agro yang sedia ada.
 - 1.2.2 pelanggan baru yang dirujuk hendaklah mendaftar sebagai ahli program Sahabat Agro dan membuka akaun AgroprimaS melalui perkhidmatan Online Account Opening (OAO). Jika tidak, Perujuk tidak akan menerima Insentif Perujuk yang ditawarkan bagi Kempen ini; dan
 - 1.2.3 pelanggan baru yang dirujuk juga hendaklah melanggan Pelan Perlindungan PA Takaful Kasih Plus sama ada Pakej 3 (RM 53.00), Pakej 4 (RM 106.00), Pakej 5 (RM 212.00) atau Pakej 6 (RM 318.00).
- 1.3 5,000 Pelanggan pertama yang memenuhi syarat di dalam item 1.2.3 (hanya bagi Pelanggan yang melanggan Pakej 4, 5 dan 6 sahaja) adalah layak untuk menerima baju Sahabat Agro (Edisi Ahli), tertakluk kepada keputusan pihak Bank.

2. Hadiah

- 2.1 Hadiah Insentif Perujuk ini merupakan ganjaran tambahan selain ganjaran bulanan yang diterima oleh Pelanggan.
- 2.2 Jumlah keseluruhan nilai Insentif Perujuk yang ditawarkan oleh pihak Bank adalah sebanyak RM200,000 sepanjang tempoh Kempen. Pihak Bank berhak menamatkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya nilai Insentif Perujuk yang ditawarkan sebanyak RM200,000 ini telah habis digunakan/dibayar.

2.3 Insentif Perujuk yang ditawarkan adalah seperti berikut :

Tier (Bilangan Akaun)	Nilai Deposit	
	Kurang dari RM 1,000	RM 1,000 dan ke atas
Tier 1 (1-10)	RM 5	RM 10
Tier 2 (11-20)	RM 10	RM 15
Tier 3 (21 dan ke atas)	RM 15	RM 20

Contoh pengiraan Insentif Perujuk adalah seperti di bawah :

En. Azman merujuk 50 pelanggan baru kepada pihak Bank sebagai ahli Sahabat Agro berdasarkan data di bawah :

- a) 19 Ahli membuka Akaun dengan nilai RM 500
- b) 31 Ahli membuka Akaun dengan nilai RM 1,000

Pengiraan Insentif bagi En. Azman adalah seperti di bawah :

RM 500	RM 1,000
10 Pelanggan pertama	10 Pelanggan pertama
10 x RM 5 : RM 50	10 x RM 10 : RM 100
9 Pelanggan seterusnya	10 Pelanggan seterusnya
9 x RM 10 : RM 90	10 x RM 15 : RM 150
	11 Pelanggan seterusnya
	11 x RM 20 : RM 220
Jumlah : RM 140	Jumlah : RM 470

Jumlah Insentif Perujuk yang layak diterima oleh En. Azman adalah sebanyak RM 610.

- 2.4 Hanya Ahli baru yang dirujuk di Peringkat 1 di dalam Rangkaian Rujukan Ahli yang akan dikira bagi penerimaan Insentif oleh Perujuk.
- 2.5 Insentif Perujuk ini akan dibayar kepada Perujuk pada bulan berikutnya ke dalam akaun CASA yang telah dipilih oleh Pelanggan semasa pendaftaran keahlian Sahabat Agro.

B. "RUJUK DAN MENANG PAKEJ UMRAH/PERCUTIAN"

1. Kelayakan

- 1.1 Bagi mempunyai peluang memenangi hadiah di bawah program ini, Pelanggan hendaklah mematuhi semua kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank di bawah item 1.2.
- 1.2 Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan pematuhan kepada kriteria berikut :
 - 1.2.1 Kempen ini hanya terbuka kepada Pelanggan yang mendaftar sebagai ahli Sahabat Agro (**INDIVIDU SAHAJA**).
 - 1.2.2 Pelanggan telah berjaya mencatatkan nilai deposit terkumpul daripada semua ahli di dalam rangkaian rujukannya dengan nilai minima RM 8.00 juta ATAU Pelanggan telah berjaya menerima ganjaran bulanan RM 2,000 dan ke atas sepanjang tempoh Kempen.
 - 1.2.3 Keahlian ahli di dalam program Sahabat Agro mestilah berstatus Aktif semasa penilaian kelayakan dilakukan oleh pihak Bank.
 - 1.2.4 Pelanggan yang layak akan disusun mengikut ranking berdasarkan nilai nilai deposit terkumpul daripada semua ahli di dalam rangkaian rujukan pemenang tersebut. Hanya 10 Pelanggan di kedudukan 10 tertinggi akan dipilih sebagai Pemenang.

2. Hadiah

- 2.1 Hadiah yang ditawarkan berupa pakej percutian/umrah bernilai RM 8,000 setiap seorang bagi 10 orang pemenang
- 2.2 Nilai pakej percutian/umrah adalah mengikut budibicara pihak Bank dan hanya boleh ditebus di agensi pelancongan yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank.
- 2.3 Bagi Pemenang yang bukan beragama Islam, destinasi percutian akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budibicara pihak Bank.
- 2.4 Nilai pakej percutian/umrah ini tidak boleh dipindahmilik tetapi boleh ditukar kepada bentuk wang tunai mengikut budibicara pihak Bank.
- 2.5 Tertakluk perkara 2.4, bagi pertukaran nilai pakej percutian/umrah kepada bentuk wang tunai, jumlah wang tunai maksima yang dibenarkan adalah terhad kepada RM5,000 sahaja.

- 2.6 Nilai pakej percutian/umrah merangkumi harga termasuk kemudahan penginapan, lawatan, makan dan tambang penerbangan pergi balik sahaja bagi satu (1) orang sahaja. Bank tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos pengurusan seperti insuran, passport, visa, suntikan imunisasi dan lain-lain kos dan perbelanjaan yang terlibat.
- 2.7 Pakej percutian/umrah ini adalah sah bagi tempoh satu (1) tahun bermula dari tarikh pakej dikeluarkan atau bagi Pakej Umrah, tempoh sah pakej adalah mengikut tempoh musim Umrah yang ditentukan oleh agensi pelancongan yang ditentukan oleh pihak Bank.
- 2.8 Tertakluk kepada perkara 2.5, nilai Pakej Umrah boleh ditukar kepada bentuk wang tunai sekiranya Pemenang yang layak tidak memenuhi kriteria kelayakan untuk menunaikan ibadah umrah atau pemenang boleh memilih untuk mengambil pakej percutian dengan nilai yang sama (tertakluk kepada terma dan syarat agensi pelancongan yang ditentukan oleh pihak Bank kelak)

C. KEMPEN PERUJUK TERTINGGI BULANAN

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan (yang baru dan sedia ada).
- 1.2 Kempen secara bulanan ini memerlukan Pelanggan merujuk sekurang-kurang 15 orang pelanggan baru bagi bulan tersebut untuk layak dikira sebagai Pemenang.
- 1.3 Hanya pelanggan baru yang dirujuk di Peringkat 1 di dalam rangkaian rujukan ahli yang akan dipilih sebagai pemenang bagi Kempen ini.
- 1.4 Pelanggan yang memenuhi kriteria seperti item 1.2 di atas akan disusun mengikut kedudukan berdasarkan bilangan ahli yang telah dirujuk mengikut nilai paling tinggi.
- 1.5 Pelanggan dengan jumlah ahli baru yang dirujuk tertinggi bagi bulan tersebut akan dipilih sebagai Pemenang.

2. Hadiah

- 2.1 Hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang kempen ini adalah seperti di bawah :

Senarai	Bil. Pemenang	Nilai Hadiah
Jun 2020	1	RM 2,000
Julai 2020	1	RM 2,000

Ogos 2020	1	RM 2,000
Sept 2020	1	RM 2,000
Okt 2020	1	RM 2,000
Nov 2020	1	RM 2,000
Dis 2020	1	RM 2,000
Jan 2021	1	RM 2,000
Feb 2021	1	RM 2,000

D. KEMPEN “SIMPAN & MENANG BERSAMA SAHABAT AGRO”

1. Kelayakan

- 1.1 Kempen ini terbuka kepada ahli Sahabat Agro (Baru dan Sedia Ada).
- 1.2 Bagi melayakkan diri dalam program ini, Pelanggan perlu memenuhi kriteria seperti di bawah :
 - 1.2.1 Ahli Sedia Ada
Dikehendaki membuka Akaun AgroPrimaS baru menggunakan dana baru (fresh fund) dan bukannya daripada Akaun AgroPrimaS sedia ada dengan nilai sekurang-kurangnya RM 500 sepanjang tempoh kempen.
 - 1.2.2 Ahli Baru
Dikehendaki membuka Akaun AgroPrimaS nilai sekurang-kurangnya RM500 sepanjang tempoh kempen.
- 1.3 Pemenang bagi kempen ini akan dilakukan secara cabutan bertuah berdasarkan Mata Penyertaan (MP) yang dikumpul oleh peserta kempen ini. Cabutan Bertuah akan dijalankan selepas kempen ini tamat.

2. Mata Penyertaan

- 2.1 Mata Penyertaan (MP) bagi kempen ini adalah seperti di bawah :
 - 2.1.1 Ahli
2 MP akan diberikan bagi setiap RM 500 yang disimpan di dalam Akaun AgroPrimaS.
 - 2.1.2 Perujuk

1 MP akan diberikan bagi setiap RM 500 yang disimpan oleh Ahli yang dirujuk oleh Perujuk di Peringkat 1 di dalam Rangkaian Rujukan Perujuk.

Perujuk hanya akan menerima MP hasil simpanan Ahli yang dirujuk di Peringkat 1 beliau sekiranya Perujuk membuka akaun AgroPrimaS baru dengan nilai minimum RM 500 sepanjang tempoh kempen.

2.2 Contoh pengiraan MP bagi kempen ini adalah :

- En. Azman adalah Ahli baru yang membuka AgroPrimaS dengan nilai RM 500.
- En. Azman merujuk En. Megat ke dalam Program Sahabat Agro dan En. Megat membuka Akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 50,000

Pengiraan MP bagi En Azman

- Pengiraan MP sebagai Ahli : 2 MP
- Pengiraan MP sebagai Perujuk : 100 MP
- Jumlah MP : 102 MP

Pengiraan MP bagi En Megat

- Pengiraan MP sebagai Ahli : 200 MP.

3. Hadiah

3.1 Setiap pelanggan hanya layak untuk memenangi 1 hadiah sahaja.

3.2 Hadiah Cabutan Bertuah yang ditawarkan kepada Pelanggan bagi kempen ini adalah :

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
Pertama	Yamaha Y15ZR (2019)	2
Kedua	Pakej Percutian/Umrah	2
Ketiga	Iphone 11 Pro Max	2
Keempat	Baucer Barang Kemas "Habib Jewel"	2
Kelima	10g Wafer Emas	2

4. Kaedah Pemilihan

4.1 Pelanggan-pelanggan yang memenuhi ciri-ciri dan syarat kelayakan bagi hadiah cabutan bertuah akan disenarai pendek secara rawak dan cabutan akan dilakukan menggunakan sistem Cabutan Bertuah oleh pihak Bank.

3. LAIN-LAIN TERMA DAN SYARAT

1. Tempoh Kempen

- i. Tempoh sah Kempen adalah bermula dari 15 Jun 2020 sehingga 15 Jun 2021.
- ii. Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen mengikut budibicara Bank.

2. Pemilihan Pemenang

- i. Pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang dan sebarang keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan dan pertikaian berkaitan pemilihan pemenang tidak akan diterima oleh pihak Bank.

3. Notis Pemberitahuan Pemenang

Pemenang-pemenang akan dimaklumkan melalui surat, emel dan/atau panggilan telefon. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my yang akan dimuatnaik dari semasa ke semasa oleh pihak Bank.

4. Hadiah-hadiah Kempen

- i. Hadiah hendaklah didaftarkan di atas nama Pemenang sahaja.
- ii. Pelanggan berpeluang untuk memenangi atau melayakkan diri untuk menerima lebih dari satu Hadiah Kempen yang ditawarkan di dalam Kempen ini sekiranya Pelanggan mematuhi kelayakan yang ditetapkan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- iii. Pemenang bagi setiap Hadiah Kempen hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj, kos dan perbelanjaan yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
- iv. Bank mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

5. Tuntutan Hadiah

- i. Pemenang dikehendaki menuntut Hadiah Kempen dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh surat makluman yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemenang. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan sekiranya Pemenang gagal berbuat demikian.

- ii. Untuk menuntut Hadiah Kempen, Pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk tujuan pengesahan identiti dan Pelanggan juga perlu menandatangani borang / perisytiharan (jika berkaitan) sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank.
- iii. Di dalam kes kematian di mana Pelanggan adalah Pemenang bagi Hadiah Kempen, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh waris / penama yang sah kepada si mati dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian tertakluk kepada waris tersebut mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank.
- iv. Jika Pemenang diketahui tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menarik kembali tawaran hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada Pelanggan lain yang berkecualan sebagaimana yang dapat ditentukan oleh pihak Bank.

6. Pengesahan dan Penguatkuasaan

- i. Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana terma di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- ii. Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada pihak Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- iii. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju kepada perkara-perkara berikut:
 - a) untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini;
 - b) Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproses data peribadi pelanggan bagi tujuan Kempen ini termasuk untuk mentadbir penyertaan pelanggan dalam Kempen ini dan memproses data peribadi pelanggan mengikut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagi mematuhi peruntukan-peruntukan berhubung privasi data peribadi pelanggan, pihak Bank telah memperkenalkan NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("Notis Akta PDP") yang boleh diakses melalui laman web Bank di www.agrobank.com.my.
 - c) Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Pelanggan yang telah disenarai

pendek sebagai Pemenang di laman web Bank untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Pelanggan pada bila-bila masa boleh memilih untuk menarik kembali kebenaran yang diberikan dengan menghubungi pihak Bank.

- iv. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau sebagai akibat dari tindakan atau peninggalan dari bahagian pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan pihak Bank.
- v. Selain dari Terma dan Syarat khusus Kempen yang dinyatakan di sini, terma-terma dan syarat-syarat lain yang termaktub di dalam Terma dan Syarat Kempen Sahabat Agro & Online Account Opening (OAO) hendaklah terpakai.
- vi. Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian pusat Agrobank 1300-88-2476 atau lawati laman sesawang kami di www.agrobank.com.my atau kunjungi cawangan Agrobank.